

18/03/2004

SIC mahu elak Litar Sakhir sebagai pesaing Sepang

SAINGAN perlumbaan Formula Satu (F1) hujung minggu ini akan sekali lagi menonjolkan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) sebagai penganjur perlumbaan bertaraf dunia menerusi pelbagai usaha dalam menjadikan perlumbaan di Litar Sepang itu sebagai perlumbaan terhebat musim ini.

Walaupun dibebani dengan saingan daripada penganjur baru F1, Litar Bahrain dan Shanghai selain tarikh perlumbaan yang sama dengan pilihan raya umum-perlumbaan kali keenam ini dijangka tetap mampu dapat menarik kehadiran ratusan ribu pengunjung.

Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Tun Mahathir, berkata persaingan memang wujud antara SIC dan dua litar F1 terbaru itu tetapi pihaknya lebih menumpukan perhatian terhadap Bahrain yang akan menjadi tuan rumah dua minggu selepas Sepang.

"Disebabkan tempoh perlumbaan yang hampir, mereka mampu menarik peminat dari Timur Tengah untuk datang menyaksikan perlumbaan di sana berbanding ke sini, mungkin kita hilang sedikit pasaran di sana (Timur Tengah) tetapi tidak di Shanghai kerana ia berlangsung pada September," kata Mokhzani.

Sehubungan itu, SIC menurut Mokhzani akan meminta pihak pengurusan F1 pada masa depan dapat mengatur perlumbaan supaya tidak wujud persaingan antara litar dalam rantau yang sama demi memastikan kehadiran lebih ramai penonton.

Sasaran untuk mendapatkan 40,000 peminat tempatan membanjiri perlumbaan di Sepang pula nampaknya tidak menjadi masalah walaupun peminat di negara ini lebih suka menunggu saat akhir untuk membeli tiket.

"Tahun lalu kita berjaya menjual 30,000 tiket di saat-saat akhir, memang sudah menjadi tabiat penonton di negara ini dan kita tiada masalah untuk menjual 40,000 tiket yang disasarkan musim ini," katanya yang menjalankan pelbagai promosi sejak setahun lalu bagi menarik kira-kira 120,000 penonton menyaksikan perlumbaan itu di Sepang.

Selain peminat tempatan, SIC juga menggerakkan usaha menarik kedatangan peminat luar negara menerusi promosi di negara jiran selain negara Asia dan Eropah dengan peminat dari Singapura disasarkan akan sekali lagi menjadi penonton luar paling ramai datang berdasarkan rekod 8,000 peminat tahun lalu.

Perlumbaan yang sama tarikh dengan pilihan raya umum tahun ini juga tidak mendatangkan masalah buat SIC kerana ia diadakan pada sebelah petang dan peminat yang sudah membeli tiket masih sempat datang untuk menyaksikan perlumbaan sebenar yang diadakan selepas perlumbaan Porsche Carrera Cup kira-kira jam 3 petang.

Justeru, Mokhzani berharap supaya peminat tempatan dapat datang beramai-ramai ke perlumbaan F1 yang dianggap unik tahun ini kerana diadakan ketika pilihan raya selain mempamerkan sikap yang baik demi menjaga imej negara di mata dunia.